

Kerelevanan Wakaf dalam Mengurus Tanah Terbiar di Malaysia

The Relevance of Waqf Managing Abandoned Land in Malaysia

MOHAMAD 'AS' SYAQIM MOHAMAD IDRIS, AZIMA ABDUL MANAF, AHMAD DAHLAN SALLEH, ABDUL JALIL OMAR, ZAIMAH RAMLI & SURAIYA ISHAK

ABSTRAK

Sejak sekian lamanya tanah terbiar menjadi isu yang penting diperingkat nasional. Pelbagai usaha telah dijalankan bagi membolehkan tanah-tanah ini diusahakan serta dimajukan. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan pendekatan alternatif yang sesuai dalam mengurus tanah terbiar. Ia dianalisis dengan menggunakan pendekatan wakaf yang sesuai dalam mempertimbangkan cara mengurus tanah terbiar. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan data sekunder yang diperoleh daripada dokumen rasmi dan serta kajian lepas. Dapatan kajian mendapati fokus diberikan terhadap faktor dan usaha kerajaan untuk menanganinya. Hal ini menjelaskan bahawa usaha untuk merungkai tanah terbiar bukanlah satu penekanan yang perlu diperhatikan tetapi fokus paling penting adalah bagaimana tanah-tanah terbiar ini boleh diuruskan dengan baik. Terdapat banyak kajian yang telah menyentuh faktor dan sebab berlakunya tanah pertanian terbiar. Namun, kajian yang menumpu kepada jalan penyelesaian dalam mengurus tanah pertanian terbiar masih kurang dijalankan. Oleh yang demikian, fokus terhadap kaedah wakaf dalam mengurus tanah terbiar telag diperincikan. Pendekatan wakaf dilihat rasional dalam mengurus tanah-tanah terbiar milik orang Melayu khususnya. Ini kerana wakaf bukan sahaja merupakan satu bentuk amalan yang memberi fokus terhadap agama, namun ia juga memberi penekanan terhadap pembangunan ekonomi ummah. Hal ini jelas apabila wakaf mempunyai kaedah-kaedah yang tertentu dalam membantu menyelesaikan isu yang berkaitan dengan pengurusan harta.

Kata kunci: Tanah terbiar; wakaf; pertanian; mengurus; pengurusan tanah

ABSTRACT

For a long time, abandoned land has become an important issue at the national level. Various efforts have been carried out to enable these lands to be cultivated and developed. This article aims to discuss suitable alternative approaches in managing abandoned land. It is analyzed by using the appropriate waqf approach in considering how to manage abandoned land. This study uses secondary data content analysis methods obtained from official documents and past studies. The findings of the study found that the focus was given to the factors and the government's efforts to deal with them. This explains that the effort to dismantle abandoned land is not an emphasis that needs to be noticed but the most important focus is how these abandoned lands can be managed well. There are many studies that have touched on the factors and reasons for the occurrence of abandoned agricultural land. However, studies that focus on solutions in managing abandoned agricultural land are still not carried out. Therefore, the focus on waqf methods in managing abandoned land has been detailed. The waqf approach is seen as rational in managing abandoned lands belonging to the Malays in particular. This is because waqf is not only a form of practice that focuses on religion, but it also emphasizes the economic development of the community. This is clear when waqf has specific rules to help resolve issues related to property management.

Keywords: Abandoned land; waqf; agriculture; managing; property management

PENGENALAN

Pengeluaran bekalan makanan merupakan penekanan utama kerajaan dalam memastikan sekuriti makanan di Malaysia berada pada tahap yang stabil. Malah, kerajaan juga memastikan kebolehdapatan makanan di peringkat domestik berada pada landasan yang positif. Bagi mencapai matlamat ini, kerajaan telah memberi penekanan terhadap sektor agromakanan. Hal ini boleh dilihat melalui hala tuju dalam Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MAFI), keutamaan dan strategi 2019-2020 menekankan dimensi sektor agromakanan yang merangkumi sekuriti makanan, pembangunan ekonomi luar bandar dan penggalakan pelaburan swasta dan antarabangsa. Terdapat lima hala tuju kerajaan dalam menjalankan strategi ini antaranya seperti 1) memodenkan dan meningkatkan pengeluaran pertanian bagi memastikan kestabilan makanan dan harga makanan di Malaysia, 2) merencanakan pengadilan pelaburan swasta dalam pertanian, 3) menjadikan pertanian sebagai sumber pendapatan yang mampan, kukuh dan menguntungkan golongan petani, 4) meningkatkan atau menambak baik ekosistem industri pertanian dan 5) memperkukuhkan struktur dan organisasi jabatan dan agensi.

Jika dilihat hala tuju yang dinyatakan ini, terdapat empat hala tuju yang memberi penekanan terhadap ketersediaan makanan yang mencukupi dan berkualiti dalam konteks agromakanan. Namun, hala tuju kerajaan ini dilihat tidak mencapai matlamatnya apabila import makanan negara dilihat semakin meningkat saban tahun. Hal ini dapat dibuktikan melalui data yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan di mana Malaysia telah mengimport sebanyak RM 50 bilion bekalan makanan pada tahun 2020 dan pada tahun berikutnya sebanyak RM 63 bilion aktiviti import makanan telah dilaporkan. Perkara ini lebih membimbangkan apabila pada suku tahun pertama 2022, Malaysia sudah mengeluarkan sebanyak RM 17.8 bilion dalam import makanan (Berita Harian, 2022). Ini menunjukkan bahawa negara sedang menanggung nilai defisit yang semakin bertambah yang mana boleh membawa kepada kerugian negara.

Sedangkan pada masa yang sama, isu tanah pertanian yang tidak diusahakan telah memberi kesan kepada kerajaan dalam usaha membangunkan sektor agromakanan. Pada tahun 2019, terdapat tidak kurang daripada 103 563 hektar tanah terbiar yang sesuai digunakan sebagai aktiviti pertanian telah dikenalpasti dengan melibatkan 42 382 lot di

Semenanjung Malaysia dan termasuk di Wilayah Persekutuan Labuan (Jabatan Pertanian, 2019). Statistik menunjukkan tanah terbiar yang tertinggi ialah di negeri Pahang dengan bilangan lot 11 292 (29 391 ha.), Selangor dengan bilangan lot 4 485 (20 058 ha.) dan Negeri Sembilan dengan bilangan lot 5 885 (11 325 ha.). Ini merupakan satu kerugian besar buat negara lebih-lebih lagi keluasan tanah merupakan prasyarat untuk memajukan sektor pertanian secara bersepadu, komersial dan berskala besar (Kurniawati & Ismail Omar, 2019). Oleh itu, pelbagai langkah telah dilakukan oleh kerajaan dalam mengatasi tanah pertanian terbiar antaranya seperti merangka hala tuju negara dalam Rancangan Malaysia (RMKe) di mana penubuhan dasar yang memberi penekanan terhadap sektor pertanian seperti, Dasar Agromakanan Negara (DAN), dan Dasar Pertanian Negara (DPN). Namun begitu, langkah-langkah yang dilakukan ini dilihat masih tidak berjaya dalam menyelesaikan isu tanah terbiar yang masih membelenggu sektor ini.

Secara umumnya, kewujudan tanah pertanian terbiar di Malaysia berpunca daripada faktor utama. Faktor pertama berpunca daripada keadaan fizikal dan semulajadi tanah yang menjurus kepada iklim, kesesuaian tanah, dan lokasi tanah (Amriah Buang 2001; Abdul Nasir & Norliza 2015), faktor seterusnya sikap seperti tuan tanah mempunyai mentaliti tanah rizab Melayu hanya untuk orang Melayu, kurang percaya terhadap pengusaha dari orang bukan Melayu (Azima et al. 2015), tuan tanah ingin mewariskan tanah kepada keturunan mereka tanpa mengusahakan tanah (Hasmida 2007), tuan tanah hanya menguruskan tanah secara sambilan (Abdul Nasir & Norliza 2015) dan mentaliti pemilik tanah yang hanya membayar cukai tanpa menguruskan tanah (Mohd Sabree & Mohd Sopiee, 2015). Faktor ketiga pula merujuk kepada faktor usia dan kesihatan di mana majoriti kalangan pemilik tanah pertanian terbiar telah mencapai usia yang tua dan mengalami masalah kesihatan sehingga membantutkan usaha menguruskan tanah mereka (Abdul Nasir & Norliza 2015; Azima 2007).

Faktor keempat pula adalah migrasi penduduk di mana golongan buruh terutamanya generasi muda yang berpindah kepada sektor pembuatan dan industri (Pazim 1992; Amriah Buang 2001; Norhidayah et al. 2022). Faktor kelima menjurus kepada faktor perundangan di mana kegagalan dalam menguatkuasakan undang-undang berkaitan tanah pertanian terbiar seperti Kanun Tanah Negara 1965 (KTN 1965) (Mohamad Akmal 2019; Azima 2007), dan masalah yang dihadapi dalam

menguruskan tanah adat yang terbiar (Abd Hamid et al. 2017). Faktor keenam merujuk kepada faktor pemilikan yang ramai dimanaberlaku kesukaran untuk mendapat kata sepakat dalam kalangan pemiliktanah (Azima et al. 2015; Sulong & Mohd Marbawi 2016). Faktor seterusnya merujuk kepada syarat perjanjian sewa tanah antara pemilik tanah dan pengusaha tanah (Azima 2007). Faktor terakhir adalah faktor kewangan yang merujuk kepada kekurangan modal dalam menguruskan tanah-tanah

terbiar (Muhammad Hakimi et al. 2015; Norhidayah et al. 2022).

Merujuk daripada dapatan kajian lepas yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu, faktor tanah pertanian terbiar boleh diklasifikasikan kepada 3 faktor utama iaitu faktor pemilik tanah, faktor perundangan dan faktor fizikal tanah. Oleh itu, faktor-faktor ini dapat dibahagikan kepada tiga klasifikasi sepertimana yang dijelaskan pada Rajah 1.

Faktor	Punca Tanah Pertanian Terbiar
Pemilik Tanah	<ul style="list-style-type: none"> • Sikap • Usia dan kesihatan • Migrasi • Kewangan
Perundangan	<ul style="list-style-type: none"> • Kegagalan penguatkuasaan • Kanun Tanah Negara 1965 (KTN 1965) • Tanah Adat • Pemilikan yang Ramai • Syarat perjanjian sewa tanah
Fizikal Tanah	<ul style="list-style-type: none"> • Cuaca yang tidak sesuai • Kesesuaian jenis tanah • Lokasi Tanah

RAJAH 1. Faktor Tanah Pertanian Terbiar

Rumusannya, telah banyak kajian yang menyentuh tentang sebab dan faktor yang mendorong tanah pertanian terbiar. Namun, penekanan kajian banyak menyentuh kepada faktor dan usaha menanganinya dilakukan melalui pihak kerajaan sepertimana yang terdapat pada Rancangan Malaysia, Dasar Pertanian Negara (DPN) dan Dasar Agromakanan Negara (DAN). Sedangkan masalah utama tanah-tanah menjadi terbiar banyak dikaitkan dengan isu pemilik tanah seperti masalah usia, sikap dan pandangan mereka terhadap tanah. Apabila isu pokok yang berkait dengan sikap pemilik tanah tidak dapat ditangani sudah pasti usaha pihak kerajaan tidak memberi impak yang besar terhadap isu tanah yang terbiar ini. Hal ini menjelaskan bahawa usaha untuk merungkai sebab tanah terbiar bukanlah menjadi satu penekanan yang perlu diperhatikan, tetapi fokus paling penting adalah bagaimana tanah-tanah terbiar ini boleh diuruskan agar ia menjadi lebih kompetitif semula. Oleh hal yang demikian, artikel ini memberi fokus kepada pendekatan mengurus tanah melalui kaedah wakaf. Pendekatan wakaf ini dilihat rasional kerana kebanyakan tanah pertanian terbiar merupakan tanah milik orang Melayu, tanah adat mahupun tanah rizab Melayu. Oleh sebab tanah-tanah ini tidak boleh dipindah milik dengan mudah akibat daripada sekatan-sekatan tertentu, maka adalah menjadi hasrat artikel

ini untuk melihat sejauh mana pendekatan wakaf relevan dalam membantu kerajaan negeri menangani tanah-tanah ini

SOROTAN LITERATUR

KONSEP WAKAF

Pada dasarnya, perkataan wakaf berasal dari bahasa Arab iaitu "*al-waqf*" yang merupakan kata terbitan daripada kata kerja *waqafa* yang bermaksud *habasa* (menahan), *sakana* (berhenti), dan *mana'a* (menengah atau menyekat) (Marina 2021). Manakala segi istilah pula, wakaf merupakan suatu perbuatan berhenti, mencegah dan menahan harta seseorang individu dan menyalurkan manfaat harta tersebut kepada orang awam dengan tujuan mendapatkan keredhaan Allah SWT (Asmak 2009). Maksud 'menahan' ini adalah merujuk kepada pencegahannya daripada diwarisi, dijual, dihadiahkan, digadaikan, disewa, dipinjamkan atau apa-apa pelupusan (Al-Zuhayli 1997; Asharaf et al. 2022). Penyaluran manfaat harta wakaf pula bermaksud harta yang diwakafkan dapat dimanfaatkan dengan disebutkan tujuannya oleh pewakaf tanpa apa-apa pulangan kewangan (Asharaf et al. 2022) Jika dilihat melalui penerangan ini, wakaf merupakan satu bentuk dimana pewakaf

(orang yang mewakafkan harta) itu memberikan hartanya dengan tujuan manfaat harta tersebut dapat digunakan oleh orang lain dengan tujuan untuk mempertingkatkan amalan agamanya.

PANDANGAN MAZHAB

Dalam pandangan mazhab pula, Sayuti et al. (2018) telah menjalankan kajian konsep wakaf dengan menganalisis mengikut pandangan ulama empat mazhab iaitu Hanafi, Maliki, Syafi'e, dan Hanbali. Dalam pandangan mazhab Hanafi, wakaf adalah menahan benda ('*ayn*) sesuatu harta daripada milik pewakaf dan digunakan manfaat harta tersebut untuk jalan kebajikan. Dari aspek pemilikan, mazhab ini menyatakan harta yang diwakafkan masih lagi menjadi milik pewakaf yang mana pewakaf masih lagi mempunyai kuasa ke atas harta yang diwakafkan seperti menjual, menghibah dan sebagainya. Hal ini kerana mazhab Hanafi menitikberatkan penggunaan manfaat sahaja dan bukannya '*ayn* harta tersebut. Bagi mazhab Maliki pula, wakaf ialah mewakafkan sesuatu harta untuk dimiliki manfaatnya sama ada pemilik tersebut mewakafkan dalam bentuk sewaan atau mewakafkan hartanya seperti wang ringgit kepada yang berhak melalui akad mengikut tempoh masa yang dikehendaki oleh pewakaf. Dalam pandangan mazhab ini, tempoh wakaf tidak disyaratkan untuk wakaf secara selama-lamanya dan dalam mazhab ini pewakaf diberikan pilihan untuk menetapkan tempoh harta yang ingin diwakafkan.

Seterusnya mazhab Syafi'e pula menyatakan wakaf merupakan penahanan harta yang boleh dimanfaatkan dan gunakan hasilnya untuk tujuan yang harus tanpa menghabiskan '*ayn* sesuatu harta. Dalam takrifan mazhab Syafi'e ini, harta wakaf mestilah bersifat berkekalan dan tidak boleh dipindah milik serta digunakan untuk tujuan kebajikan semata-mata. Dari segi pemilikan, pewakaf tidak mempunyai kuasa terhadap harta yang diwakafkan kerana ia telah menjadi milik penerima wakaf selagi harta itu boleh diambil manfaatnya. Dalam pandangan ini, para fuqaha menganggap harta yang diwakafkan tersebut milik Allah SWT. Anggapan ini bukanlah menafikan pemilikan Allah terhadap harta yang tidak diwakafkan akan tetapi tujuan anggapan ini adalah untuk menunjukkan sifat eksklusif yang ada pada harta wakaf yang tidak menjadi milik manusia sehingga dinisbahkan sedemikian (Al-Syarbini & Al-Khatib, t.t). Dalam mazhab Hanbali pula, wakaf bermaksud sebagai menahan sesuatu benda daripada berpindah milik dan digunakan manfaatnya. Sesiapa yang mewakafkan harta maka

segala manfaatnya diserahkan kepada si penerima wakaf dan pewakaf tidak mendapat apa-apa daripada harta yang diwakafkan kecuali mewakafkan harta untuk kegunaan orang-orang Islam seperti mewakafkan masjid dan kubur.

Oleh itu, berdasarkan pandangan mazhab ini, dapat dirumuskan bahawa harta yang diwakafkan boleh diambil manfaat bagi kegunaan individu dan masyarakat serta diwakafkan untuk tujuan kebajikan semata-mata kerana Allah SWT. Akan tetapi, ia perlu mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan oleh Syarak. Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku pemegang amanah harta wakaf bertanggungjawab dalam memastikan harta yang diwakafkan tidak melanggar hukum-hukum Syarak dan wakaf diurus dan ditadbir dengan baik, efisien sehingga dapat menjana hasil yang lumayan yang dapat dimanfaatkan oleh penerima manfaat atau bagi tujuan-tujuan kebajikan (Che Zuina 2010)

Dari segi pemilikan harta pula, majoriti mazhab berpendapat bahawa harta yang diwakafkan perlu bersifat kekal kecuali mazhab Maliki yang mengharuskan wakaf boleh dilaksanakan secara sementara waktu atau bertempoh. Dalam konteks amalan wakaf di Malaysia pada asalnya, wakaf hanya sah jika diaplikasikan secara kekal. Ini bermaksud apabila pewakaf mewakafkan hartanya, harta tersebut tidak boleh ditarik balik oleh pewakaf dan kekal selamanya menjadi harta wakaf. Meskipun begitu, terdapat kajian yang menyatakan terdapat negeri yang membenarkan pengaplikasian wakaf secara bertempoh seperti di Johor, Wilayah Persekutuan, Terengganu dan Sarawak (Muhammad Ainul et al. 2020). Oleh hal yang demikian, kedua-dua tempoh wakaf ini dibenarkan. Namun, bagi wakaf bertempoh pelaksanaannya adalah perlu bagi mengembangkan fungsi wakaf tanpa melanggar hukum syarak.

KLASIFIKASI WAKAF

Sarjana Islam pada masa kini membahagikan wakaf kepada jenis-jenis tertentu. Pembahagian ini pula berbeza mengikut negara-negara yang tertentu (Ali 2019). Dari sudut pentadbiran Wakaf di Malaysia, klasifikasi wakaf di setiap MAIN mempunyai perbezaan. Walaupun undang-undang wakaf terkandung dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri, peruntukan ini tidak bersifat secara menyeluruh. Kaedah pengurusan atau enakmen wakaf yang lebih terperinci hanya terdapat di negeri seperti Johor, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Perak (Sharifah 2016) Usaha-usaha untuk

mewujudkan rang undang-undang yang selaras bagi seluruh negeri masih lagi dipergiatkan sehingga kini.

Namun begitu, kajian yang dijalankan oleh Marina (2021) mendapati wakaf yang dipraktikkan di Malaysia secara umumnya boleh terbahagi kepada tiga kategori utama iaitu terdiri daripada jenis harta yang diwakafkan (*mawquf*), penerima manfaat wakaf (*mawquf'alayh*) dan kaedah wakaf. Dalam klasifikasi berdasarkan harta diwakafkan (*mawquf*), jenis harta wakaf dapat dikategorikan kepada dua kategori utama iaitu harta wakaf tidak alih dan harta wakaf alih. Harta wakaf tidak alih atau *ghayr manqul* ialah harta dan aset wakaf yang tidak boleh berpindah atau dipindah dan diubah dari tempat asalnya seperti tanah, bangunan dan sebagainya. Aset wakaf tak alih bertentangan dengan maksud aset wakaf alih iaitu sesuatu aset yang hanya terletak di suatu kawasan tertentu seperti pembinaan masjid, hospital atau sekolah (Asharaf & Jalil 2014). Hal ini menunjukkan bahawa harta wakaf tidak alih merujuk kepada harta yang bersifat tidak bergerak seperti bangunan dan tanah.

Manakala bagi jenis harta wakaf alih atau *manqul* sifatnya adalah bertentangan dengan harta tidak alih. Asharaf & Jalil (2014) menyatakan wakaf alih boleh dipindahkan dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain. Sebagai contoh wang tunai yang merupakan aset yang paling popular pada masa kini. Menurut Portal Rasmi Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG), harta alih boleh didefinisikan sebagai harta yang selain daripada harta alih seperti wang tunai, saham akaun simpanan bank, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), insurans, kenderaan, senjata api, barang kemas dan lain-lain (Kementerian Tenaga dan Sumber Asli 2022). Secara ringkasnya, harta alih ini merupakan harta yang mudah untuk dibawa, dipindahkan atau boleh diubah dari tempat asalnya dan manfaatnya dapat diberikan secara langsung seperti wang tunai, saham dan *sukuk* (satu sijil kewangan Islam), buku pakaian peralatan, ternakan, kenderaan, harta intelek dan sebagainya.

Seterusnya bagi klasifikasi berdasarkan penerima manfaat (*mawquf'alayh*) terbahagi kepada dua iaitu wakaf ahli (*zurriy*) dan wakaf *khairy*. Wakaf ahli merujuk kepada hasil wakaf diperuntukkan untuk ahli keluarga pewakaf seperti anak atau zuriat pewakaf (Madhubala 2017; Ali 2019) Dalam konteks ini, pewakaf menyediakan bantuan dan agihan khusus kepada kalangan ahli waris agar mereka tidak dibebani dengan kemiskinan

dan kepaan di kemudian hari. Menurut Farhana (2018), dari segi peruntukkan undang-undang, takrifan wakaf ahli ini dilihat berbeza mengikut negeri-negeri di Malaysia. Hanya negeri Perak yang menggunakan istilah wakaf ahli, manakala Selangor dan Terengganu pula menggunakan istilah wakaf kepada waris. Tambahan, wakaf ini juga tiada disediakan peruntukan yang khusus di negeri-negeri selain yang dinyatakan.

Penerima manfaat melalui wakaf *khairy* menjurus kepada orang awam. Ia lebih tertumpu kepada membantu individu yang memerlukan (Marina 2021). Sebagai contoh penerima bantuan dalam kategori ini adalah golongan fakir miskin atau golongan berpendapatan rendah. Maka, harta yang diwakafkan di bawah wakaf *khairy* ini akan memainkan peranan dalam membantu mereka. Menurut Wan Zahari et al. (2021) wakaf *khairy* terdiri daripada dua iaitu wakaf khas dan wakaf am. Wakaf am adalah wakaf yang diberikan tanpa menentukan siapakah penerima manfaatnya. Manakala, wakaf khas pula bersifat khusus apabila pewakaf menentukan wakaf yang dibuat untuk tujuan tertentu atau penerima tertentu. Sebagai contoh, mewakafkan bangunan dengan tujuan untuk aktiviti orang Islam seperti menjadikan pusat tahfiz, surau atau pondok.


Manakala dari segi tempoh wakaf, menurut Muhammad Ainul et al. (2021), wakaf boleh dilaksanakan secara *muabbad* (kekal) atau *muaqqat* (bertempoh). Walau bagaimanapun, kaedah wakaf bertempoh menjadi satu topik yang sering diperdebatkan oleh pandangan mazhab. Seperti yang dinyatakan dalam pandangan majoriti mazhab terutamanya mazhab Syafi'e, ciri kekal adalah syarat utama wakaf dan ketiadaan ciri kekal akan menyebabkan sesuatu wakaf menjadi tidak sah. Namun begitu, terdapat pandangan yang membenarkan wakaf secara bertempoh iaitu pandangan mazhab Maliki di mana pewakaf boleh mewakafkan sesuatu harta untuk tempoh waktu tertentu dan kemudiannya hak milik harta tersebut pulang kepada pewakaf selepas tempoh tersebut tamat.

Melihat dari situasi ini, wakaf bertempoh adalah diperlukan. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian yang dijalankan oleh Muhamad Firdaus & Muhammad Amanullah (2017) yang menyatakan wakaf bertempoh adalah lebih fleksibel untuk diaplikasikan pada masa kini berbanding wakaf secara kekal. Malah, dengan adanya pengaplikasian wakaf secara bertempoh ini dilihat mampu untuk

melestarikan amalan wakaf di Malaysia serta mengembangkan fungsi wakaf di negara ini. Pelaksanaan wakaf bertempoh ini dilihat sesuai dilaksanakan apabila terdapat beberapa negeri yang mengiktiraf wakaf bertempoh seperti di Johor, Wilayah Persekutuan, Terengganu dan Sarawak.

Bagi klasifikasi kaedah wakaf, menurut Marina (2021) terdapat pelbagai klasifikasi wakaf mengikut kaedah-kaedah wakaf sesuai berdasarkan perkembangan kajian sarjana Islam dari dari semasa ke semasa. Berdasarkan kajian lepas didapati terdapat sembilan kaedah wakaf yang dikenal pasti seperti wakaf *irsod* yang merujuk kepada wakaf yang dilaksanakan oleh pemerintah bertindak mewakafkan harta-harta milik Baitulmal (Afandi et al. 2014), wakaf *musytarak* merujuk kepada gabungan beberapa jenis wakaf menjadi satu wakaf seperti wakaf yang diwujudkan menerusi gabungan saham wakaf dan *istibdal*, atau gabungan antara wakaf ahli dengan wakaf *khairy*. Mengikut Hisham

(2013) dan Shakor (2011), wakaf *musyak* iaitu wakaf perkongsian dari mana-mana harta yang dimiliki dengan pihak lain yang tidak boleh dipecah bahagikan (Siti Aishah & Nur Alyani 2022; Syahnaz 2016), wakaf *haq irtifaq* merujuk kepada mewakafkan satu tingkat daripada beberapa tingkat (Majlis Agama Islam Melaka 2022), wakaf *al-ijarat* iaitu wakaf yang disewakan (JAWHAR 2022), wakaf saham merujuk kepada skim untuk dimiliki oleh umat Islam dan mewakafkan saham kepada MAIJ dengan tujuan manfaatnya diberikan kepada umat Islam (Majlis Agama Islam Negeri Johor 2022; Baharuddin et al. 2006), wakaf korporat merujuk kepada inovasi yang diadaptasikan daripada wakaf saham dan wakaf *musytarak* dengan konsep gabungan antara wakaf ahli dan wakaf *khayri* dan antara wakaf khas dan wakaf am (Asharaf & Abdullah 2017), dan wakaf sukuk iaitu wakaf menerusi ikatan perjanjian bertulis antara penerbit sukuk dengan pemegang sukuk (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 2015a; Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 2015b).



RAJAH 2. Klasifikasi Wakaf
 Sumber: (Marina 2021; Muhammad Ainul et al. 2021)

Berdasarkan pengenalan dan sorotan literatur yang dinyatakan ini, dilihat terdapat pelbagai kaedah pengurusan harta yang telah diperkenalkan melalui kaedah wakaf. Oleh itu, fokus artikel ini lebih menjurus kepada peranan wakaf dalam mengurus isu tanah pertanian terbiar. Oleh yang demikian, penelitian terhadap isu dan kemampuan pendekatan wakaf perlu diterokai sebagai salah satu langkah alternatif untuk menguruskan tanah-tanah pertanian terbiar dengan lebih cekap dan berkesan.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian analisis kandungan yang melibatkan bahan-bahan yang diperoleh daripada buku, jurnal dan dapatan kajian terdahulu yang melibatkan dengan wakaf. Bagi memperoleh sumber utama kajian, carian artikel melalui *Google Scholar*, *Scopus*, *ISI Web of Knowledge* dan artikel tempatan dijalankan secara komprehensif terutamanya artikel yang mengandungi tema wakaf. Elemen seperti kepentingan dan kelebihan wakaf dijadikan sebagai komponen utama kajian ini. Hasil kajian yang diperoleh akan dianalisis bagi tujuan untuk mengenalpasti kerelevanan wakaf dalam membantu mengurus isu tanah pertanian terbiar.

KERELAVANAN WAKAF DALAM MENGURUS TANAH PERTANIAN TERBIAR

Di Malaysia, urusan pentadbiran yang melibatkan harta wakaf adalah di bawah naungan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku pemegang amanah tunggal sepertimana yang termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri dan juga Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) bagi wilayah-wilayah persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya (Farhana 2021; Mohd Faisal et al. 2022). Terdapat negeri termasuk wilayah yang mentadbir wakaf dengan mengikuti enakmen masing-masing dan terdapat juga negeri-negeri yang mewujudkan enakmen khas berkaitan dengan wakaf seperti Enakmen Wakaf Terengganu 2016, Enakmen Wakaf Selangor 2015, Enakmen Wakaf Perak 2015, Enakmen Wakaf Negeri Melaka 2005, dan Enakmen Wakaf Negeri Sembilan. MAIN mempunyai kuasa mutlak untuk melantik atau memberi kebenaran bertulis kepada mana-mana pihak untuk mengurus harta bagi pihaknya, mengiktiraf pelantikan mana-mana pengurus atau pentadbiran dalam keadaan di mana

pewakaf telah melantik sendiri selain MAIN dan menamatkan pelantikan kedua-dua yang dinyatakan (Yayasan Wakaf Malaysia, 2022). Oleh itu, wakaf bukanlah sebuah harta yang tidak dinamik dan hanya dilihat dari sudut hukum syarak, bahkan ia melibatkan perundangan yang jelas seperti enakmen wakaf negeri dan juga terdapat urus tadbir yang komprehensif yang di laksanakan oleh MAIN (Mohd Ridzuan 2021).

Dalam konteks tanah terbiar, faktor perundangan dan pelbagai bidang kuasa pentadbiran harta pusaka yang mengelirukan masyarakat menjadi punca berlakunya masalah harta pusaka beku yang membawa kepada tanah menjadi terbiar (Rusnadewi & Noor Inayah 2010; Wan Suraya et al. 2016). Kepelbagaian agensi dalam bidang kuasa yang berbeza dalam menguruskan urusan tanah menyebabkan sesuatu urusan itu mengambil masa yang lama untuk diselesaikan (B. Nur Adila & Md Yazid 2016). Tambahan, ia menjadi rumit lagi apabila melibatkan tanah pemilikan yang ramai (Azima et al. 2015; Sulong & Mohd Marbawi 2016). Maka, pengurusan melalui kaedah wakaf yang diuruskan oleh MAIN adalah lebih sesuai untuk diaplikasikan dalam menguruskan tanah-tanah yang tidak diusahakan dan menjadi terbiar. Apabila pewakaf mewakafkan tanahnya, tanah yang diwakafkan akan menjadi hak milik MAIN. Walaupun hakmilikan tanah tersebut telah ditukar, namun pewakaf boleh menetapkan penerima manfaat wakaf yang terdiri daripada tiga bentuk iaitu wakaf am, wakaf keluarga dan wakaf gabungan (Baihaki & Bahari, 2019). Maka, melalui kaedah ini pewakaf masih dapat memperoleh manfaat melalui harta yang diwakafkan. Bukan sahaja mendapat sedekah *jariyyah*, malah pewakaf dapat menyalurkan manfaat harta kepada ahli keluarga. Oleh itu, perundangan wakaf yang ditadbir hanya MAIN ini dapat membantu dalam mengatasi isu-isu berkaitan dengan urusan harta seseorang.

Wakaf merupakan instrumen yang unik dalam membantu memenuhi keperluan orang yang memerlukan. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh (Mohd Ali 2019), didapati wakaf mempunyai kepelbagaian jenis yang mempunyai hikmah dan keistimewaan tersendiri yang kini turut dicontohi oleh badan-badan kebajikan di seluruh dunia. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian Siti Syarwani & Izzah Nur (2021) yang mendapati bahawa jenis harta yang boleh diwakafkan terdiri daripada tiga bentuk yang dapat membangunkan sosioekonomi iaitu harta tak alih, harta alih serta

hak dan manfaat. Kajian ini turut selaras dengan kajian Mohd Ridzuan (2021), kepelbagaian bentuk harta yang diwakafkan dapat menjana hasil terhadap sesebuah harta. Hal ini membuktikan bahawa wakaf menerima segala harta yang dapat memberi manfaat kepada orang yang memerlukan. Dalam konteks tanah pertanian terbiar, tanah terbiar dikategorikan sebahagian harta tak alih. Pemilik-pemilik tanah pertanian terbiar boleh mewakafkan hartanya untuk menguruskan tanah. Maka, apabila harta ini diwakafkan dan diuruskan oleh MAIN, ia mampu untuk membantu kekangan yang dihadapi pemilik tanah dan seterusnya dapat membangunkan sosioekonomi di sekitar kawasan tanah tersebut.

PERANAN WAKAF DALAM PEMBANGUNAN DAN APLIKASINYA

Terdapat beberapa kajian yang menyatakan berlakunya cabaran apabila menguruskan harta wakaf antaranya seperti masalah untuk menguruskan tanah wakaf yang terencil, keluasan tanah wakaf yang terhad, ketidaksesuaian struktur fizikal tanah dengan tujuan wakaf, dan persekitaran ekonomi yang tidak kondusif di sekitar tanah wakaf (Megat Mohd. Ghazali et al. 2006; Mohd Faiz et al. 2021; Siti Mashitoh M. 2006a). Namun, terdapat langkah-langkah yang telah dijalankan dalam sistem pengurusan wakaf bagi memastikan harta-harta wakaf yang terbiar ini dapat diusahakan. Antara langkah yang diketengahkan dapat dilihat melalui kajian yang dijalankan oleh Ashikin & Faudah (2020) iaitu kaedah *Al-Tawrid* dalam pengurusan wakaf. Instrumen *Al-Tawrid* ini adalah kaedah mencairkan aset wakaf untuk tujuan pembangunan harta wakaf. Pengkaji terbabit memberikan contoh yang dijalankan oleh Fahrurroji & Jaenal (2015) di mana Majlis Agama Islam Singapura telah menjual 20 unit kedai kepada Fusion Investment bernilai 9 juta dolar Singapura. Kebanyakan unit kedai tersebut merupakan harta tanah wakaf yang berada di kawasan yang tidak strategik dan aset berkualiti rendah pada kadar 1% hasil pulangan dan dana yang terkumpul daripada *Tawriq* wakaf tersebut adalah sebahagian modal kos pembangunan projek yang selebihnya diperoleh daripada sukuk musyarakah sebanyak 25 juta dolar Singapura. Hasil dana yang berjaya dikumpul di istibdalkan dengan tujuan untuk pengubah suaian dan baik pulih pembangunan baharu yang lebih berkualiti tinggi dan komersial pada masa akan datang.

Selain itu, Mohd Faiz et al. (2021) telah memperkenalkan kaedah-kaedah yang terbaik dalam mengurus tanah wakaf yang terbiar. Berdasarkan kajian yang dijalankan mendapati terdapat pendekatan konservatif untuk pembiayaan pembangunan aset wakaf seperti *al-Muzaraah*, *al-Musaqah*, *al-Hukri*, *al-Khuluw*, *Istibdal*, *al-Ijarat* dan penciptaan wakaf baru. Dalam konteks *al-Muzaraah*, pengusaha akan mengeluarkan semua modal secara persendirian dan mengusahakan projek tersebut untuk mendapatkan hasil dan keuntungan. Hasil dan keuntungan projek akan dibahagikan dengan pemegang amanah berdasarkan persetujuan antara pengusaha dan pemegang amanah wakaf (Faizatu 2018). Pendekatan *al-Musaqah* pula mempraktikkan pemegang amanah wakaf atau pemilik tanah perlu mengeluarkan modal termasuk biji benih dan peralatan dan selanjutnya projek pertanian ini akan diusahakan oleh pengusaha. Hasil keuntungan juga akan dibahagikan seperti mana yang dipersetujui dalam kontrak projek pertanian tersebut (Vivi & Bustamin, 2021). *Al-Hukri* merujuk kepada pemajakan secara jangka masa panjang oleh pengusaha dan dibayar kepada pemegang amanah wakaf (Muhammad Uzair & Ainul 2022). *Al-Khuluw* pula pendekatan yang mana penyewa aset wakaf akan mengeluarkan perbelanjaan sendiri untuk membangunkan atau memperbaiki kerosakan pada aset wakaf (Mustofa & Manshur 2018). Oleh yang demikian, Muhammad Afifi (1991) menjelaskan bahawa penyewa berhak mengambil manfaat daripada aset wakaf tersebut sama ada menggunakan sendiri, menyewakan kepada pihak ketiga atau turut mewakafkan aset wakaf tersebut. Seterusnya, pendekatan pembiayaan secara *al-ijarat* adalah pembayaransewa secara dua kali yang sesuai digunakan untuk sewaan tanah wakaf bagi jangka masa panjang (al-Zarqa 1984). Dalam kaedah ini, pembayaran sewa yang pertama digunakan untuk memperbaiki atau menambah baik fasiliti di atas tanah wakaf tersebut. Pembayaran sewa yang kedua akan dibayar secara tahunan sepanjang tempoh masa sewaan tanah wakaf tersebut.

Kajian yang dijalankan oleh Ridzuan & Zurita (2021), mendapati wakaf mempunyai kaedah *istibdal* yang diperkenalkan dalam pengurusan harta wakaf bagi tujuan untuk melestarikan fungsi wakaf di negara ini. *Istibdal* bermaksud menukarkan sesuatu harta wakaf dan menggantikannya dengan harta lain dengan cara menjual harta wakaf asal dan membeli harta baru sebagai ganti (Afiffudin & Mohd Ridzuan 2013). Tujuan kaedah ini diperkenalkan

adalah untuk memastikan harta wakaf tidak terbiar dan memastikan manfaat harta adalah berkekalan. Di samping itu, *istibdal* diperkenalkan bagi menjaga dan memelihara tujuan dan niat pewakaf supaya ganjaran pahala masih berkekalan di bawah sedekah jariah (Mashaddad et al. 2019). Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan telah memutuskan bahawa wakaf *istibdal* dengan tujuan mengekalkan harta wakaf adalah diharuskan. Menurut Ashlah & Adnin (2018), *istibdal* wakaf sering melibatkan dengan tanah yang diwakafkan. Pengkaji tersebut turut menyatakan terdapat tiga kaedah *istibdal* tanah iaitu menukar tanah dengan tanah, menukar tanah dengan bangunan serta menukar tanah dengan wang pampasan. Berdasarkan kaedah *istibdal* ini, sekiranya tanah yang diwakafkan tidak dapat dibangunkan oleh sebab halangan tertentu, kaedah *istibdal* boleh diusulkan bagi mengelakkan harta tersebut tidak dimanfaatkan.

Oleh demikian, pendekatan wakaf dengan melalui kaedah *istibdal* ini mampu untuk membantu dalam usaha menguruskan isu tanah pertanian terbiar yang berlaku di negara ini. Sekiranya tanah pertanian terbiar yang diwakafkan tidak dapat untuk membangunkan aktiviti pertanian oleh sebab keadaan fizikal dan semula jadi tanah, maka kaedah *istibdal* ini boleh dilaksanakan bagi memastikan niat pewakaf dan juga manfaat harta yang diwakafkan dapat disalurkan bagi orang yang memerlukan. Namun begitu, kaedah *istibdal* ini bukannya satu kaedah yang boleh dilaksanakan dengan sewenang-wenangnya kerana ia perlu mematuhi segala prinsip dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh para fuqaha agar pelaksanaan *istibdal* terhadap sesuatu harta wakaf itu dibenarkan.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Muhammad Dandy & Syed Musa (2018) mendapati wakaf memainkan peranan dalam menjamin sekuriti makanan dan kestabilan harga makanan dengan memberi bantuan kepada petani dalam bentuk usaha sama (*joint Venture*). Kaedah usaha sama ini merupakan salah satu kaedah yang dilaksanakan dalam amalan wakaf di Malaysia. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian yang dijalankan oleh Siti Mashitoh et al. (2009) yang mendapati terdapat pelaksanaan antara usaha sama pewakaf dengan Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim (PERKAYA) Terengganu. Kaedah ini di mana pewakaf membeli tanah dan pokok kelapa sawit dan kemudiannya mewakafkan pokok dan tanah tersebut untuk kegunaan hasilnya kepada anak-anak yatim yang diuruskan oleh PERKAYA.

Oleh itu, wakaf turut menggalakkan usaha sama antara pihak-pihak tertentu dalam memastikan harta yang diwakafkan dapat disalurkan manfaatnya dengan lebih optimum. Malah, usaha sama ini dilihat merupakan satu elemen yang penting dalam memastikan keperluan orang yang memerlukan dijamin. Hal ini dapat dibuktikan melalui penubuhan institusi Universiti College Bestari (UCB) yang terletak di Setiu, Terengganu yang merupakan kerjasama antara Kerajaan Negeri Terengganu, Kerajaan Pusat serta bantuan masyarakat. UCB dibina di atas tanah seluas 320 ekar yang merupakan tanah wakaf Kerajaan Negeri Terengganu. Penubuhan institusi ini telah berjaya menampung hampir 5 000 mahasiswa dengan menyediakan pelbagai sarana kemudahan (Mutiara et al. 2016). Penubuhan institusi ini menunjukkan bahawa usaha sama melalui kaedah wakaf berjaya dalam membantu membangunkan sosioekonomi masyarakat.

Berbalik semula kepada konteks tanah terbiar, apabila sesebuah tanah pertanian terbiar diwakafkan dengan tujuan untuk menguruskan tanah, MAIN mempunyai kuasa untuk melantik sesiapa yang layak untuk menguruskan tanah terbiar tersebut. Hal ini dapat dilihat melalui projek rintis wakaf pertanian yang dilaksanakan oleh MAIN seperti di Selangor dan Pulau Pinang di mana projek penanaman nenas yang diusahakan dengan kerjasama pengusaha projek telah berjaya mendatangkan hasil dan seterusnya memberi manfaat kepada keperluan masyarakat (Berita Harian 2022). Hal ini dapat mengurangkan bebanan yang dihadapi masyarakat di samping menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk luar bandar.

Selain itu, Azniza Hartini et al. (2015), mendapati wakaf dapat membantu dalam mengurus dan mengawal bebanan hutan terutamanya yang dihadapi oleh kerajaan. Kajiannya mendapati wakaf boleh dijadikan sebagai instrumen dalam membantu kewangan negara antaranya melalui kaedah wakaf tunai. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa aspek yang perlu dititikberatkan seperti pelaksanaannya perlu berlandaskan hukum syarak yang telah ditetapkan. Menurut Yayasan Waqaf Malaysia (2014) kaedah wakaf tunai adalah mewakafkan wang tunai kepada mana-mana pemegang amanah wakaf. Wang-wang tersebut akan dikumpulkan dan kemudiannya ditukarkan kepada harta kekal seperti hartanah. Seterusnya manfaat hasil wakaf tunai tersebut akan digunakan untuk kebajikan dan pembangunan ummah seperti membangunkan

prasarana seperti kediaman dan ruang niaga bagi manfaat orang ramai. Sehingga kini, amalan wakaf tunai ini masih dilaksanakan oleh MAIN mengikut peruntukan statutori negeri masing-masing (Adnin & Asmak 2021).

Çizakça (2000), menyatakan wakaf tunai dapat membantu menzahirkan matlamat makroekonomi moden bagi menurunkan perbelanjaan bagi menurunkan perbelanjaan kerajaan, mengecilkkan defisit belanjawan negara dan seterusnya mengurangkan pergantungan kerajaan kepada instrumen hutang atau pinjaman sebagai sumber pembiayaan projek. Melihat daripada konteks kewangan ini, sememangnya wakaf dapat menyediakan satu bentuk dana yang bukan sahaja hanya tertumpu kepada individu. Malah, wakaf dapat membantu organisasi tertentu dengan menyalurkan bantuan dana.

Apabila menyentuh isu tanah pertanian terbiar, tidak dapat dinafikan antara kekangan pemilik tanah adalah untuk mendapatkan modal dalam menguruskan tanah mereka sepertimana kajian yang telah dijalankan oleh Muhammad Hakimi et al. (2015). Maka, kaedah wakaf tunai mampu menampung masalah yang dihadapi tuan tanah dalam menguruskan tanah mereka. Amalan wakaf tunai telah dijadikan sebagai medium bagi menggalakkan umat Islam melibatkan diri dalam aktiviti berwakaf demi memupuk jiwa yang rohani. Dana wakaf tunai yang disalurkan telah membantu pelbagai sektor seperti pendidikan dan kesihatan (Anuar et al. 2022). Oleh itu, pengaplikasian wakaf tunai dalam mengurus isu tanah pertanian terbiar sememangnya dapat memberi pengaruh yang positif dalam membantu pemilik tanah memperoleh modal dalam usaha menguruskan tanah mereka.

Pembangunan dan Aplikasi Wakaf	Sumber
• Al-Tawrid	Ashikin & Faudah (2020); Fahrurroji & Jaenal(2015)
• Al-Muzarah	Mohd Faiz et al. (2021); Faizatu(2018)
• Al-Musaqah	Mohd Faiz et al. (2021); Vivi & Bustamin(2021)
• Al-Hukri	Mohd Faiz et al. (2021); Muhammad Uzair & Ainul(2022)
• Al-Khuluw	Mohd Faiz et al. (2021); Mustofa & Manshur(2018)
• Istibdal	Ridzuan & Zurita (2021); Afiffudin & Mohd Ridzuan(2013); Mashaddad et al.(2019) Ashlah & Adnin(2018)
• Usaha sama	Muhammad Dandy & Syed Musa(2018); Siti Mashitoh et al.(2009) Mutiara et al.(2016)
• Wakaf Tunai	Azniza et al. (2015); Adnin & Asmak(2021); Çizakça(2000); Muhammad Hakimi et al.(2015)

RAJAH 3. Pembangunan dan Aplikasi Wakaf

Dapat dirumuskan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu mendapati wakaf dapat memainkan peranan yang penting dalam menguruskan harta-harta yang telah diwakafkan. Terdapat langkah-langkah komprehensif yang dilaksanakan oleh pihak pemegang amanah dalam menguruskan harta wakaf seperti yang dijelaskan pada Rajah 3. Kaedah-kaedah yang dilaksanakan ini membantu kekangan yang dihadapi pemilik tanah dalam menguruskan tanah mereka. Kaedahwakaf lebih bersifat fleksibel kerana wakaf dapat dilaksanakan dengan pelbagai bentuk demi memenuhi kebajikan awam secara menyeluruh tidak hanya pada golongan tertentu semata-mata (Agung 2022). Oleh hal yang demikian, pendekatan wakaf dalam mengurus tanah pertanian terbiar

sememangnya dapat memberi impak yang positif dalam membantu kerajaan negeri dalam menangani tanah-tanah terbiar. Pendekatan wakaf dilihat dapat memenuhi keperluan pemilik tanah terbiar seperti penyediaan dana, kemudahan infrastruktur pertanian dan juga bantuan kebajikan. Tambahan lagi, dari aspek perundangan majoriti tanah terbiar ini merupakan tanah milik orang Melayu. Pendekatan wakaf dilihat dapat membantu aspek perundangan ini kerana perundangan wakaf di Malaysia yang jelas dan terdapat urus tadbir yang komprehensif yang dikendalikan oleh pihak MAIN dalam menguruskan harta wakaf. Perundangan dan urus tadbir yang jelas ini dapat memastikan harta yang diwakafkan dapat dimanfaatkan secara sepenuhnya.

KESIMPULAN

Rumusannya, pengaplikasian wakaf dalam mengurus isu tanah pertanian terbiar adalah perlu bagi memastikan tanah-tanah ini dapat dimanfaatkan secara sepenuhnya. Ini kerana wakaf bukan sahaja merupakan satu bentuk amalan yang hanya memfokuskan kepada agama sahaja, malah wakaf dapat membantu dalam pembangunan ekonomi negara. Hal ini jelas apabila didapati wakaf mempunyai kaedah-kaedah yang tertentu yang mana dapat membantu dalam menyelesaikan isu yang berkaitan dengan pengurusan harta. Penelitian dalam artikel ini diharapkan dapat memberi satu persepsi yang baharu terhadap kelebihan dan kemampuan wakaf dalam menguruskan tanah pertanian terbiar. Oleh itu, kajian-kajian yang melibatkan wakaf dalam pengurusan tanah pertanian terbiar perlu dipergiatkan lagi terutamanya dari segi konteks pelaksanaannya.

PENGHARGAAN

Artikel ini dibiayai di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2021/S50/UKM/02/15) yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pengkaji ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kerana menyokong perjalanan kajian ini.

RUJUKAN

- Abd Hamid, A. M., Raja Raziff, R. S., Muda, R., Ahmad Zaki, S., Ahmad Wifaq, M., Md Yunus, A. A., Nurul Hidayah, I. 2017. Pembangunan tanah adat di Negeri Sembilan: Halatuju dan cabaran. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 1-12.
- Abdul Nasir, H. A., & Norliza, M. 2015. Faktor pengabaian tanah pertanian dan solusi: Kajian kes ladang. *International Journal of Business, Economics and Law* 1-13.
- Adnin, I., & Asmak, A. R. 2021. Peranan ijtihad jama'i dalam pembentukan skim wakaf. *Journal of Fatwa Management and Research*: 53-70.
- Agung, A. 2022. Preferensi wakaf uang pada masyarakat Srakarta. *Jurnal Ilmiah Ekonomi Islam* 8(1): 180-186.
- Afandi, Afiffudin, & Razali. 2014. Wakaf Irsod: Sumbangan kepada pelestarian pembangunan islam di Malaysia. *Research Gate*: 1-19.
- Afiffudin, M. N., & Mohd Ridzuan, A. 2013. Pelaksanaan istibdal wakaf di Negeri Kedah Darul Aman. *Islamiyyat*: 49-56.
- Affi, M. 1991. *Al-Awqaf wa al-Hayat al-Iqtisadiyah fi Misr fi Al-Asr al-Uthmani*. Kaherah: Hay'at al-Misriyah al-Amah li al-Kitab.
- Ahmad Ibrahim. 1997. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Ali, M. 2019. *Teori Wakaf, Kepelbagaian dan Contoh Amalan di Malaysia*. <http://journalarticle.ukm.my/13698/1/35192-110205-6-PB.pdf>
- Al-Syarbini, & Al-Khatib. (t.t). *Mughni al-Muhtaj*. Beirut: Al-Ma'rifah.
- Al-Zuhayli, W. 1997. *al-Fiqh al-Islamiyy wa adillatuh*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Amir. S. 2022. Wakaf Pertanian Tangani Kos Sara Hidup, Jamin Sekuriti Makanan. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/04/942538/wakaf-pertanian-tangani-kos-sara-hidup-jamin-sekuriti-makanan>
- Amriah Buang. 2001. Privatizing the rehabilitation of the idle agriculture land in Malaysia: Feedback from the Malay folks. *Pertanika Journal of Social Science & Humanity* 9(2): 103-112.
- Anuar, E., Salehudiin, A. H., Nidzamudiin, M. M., Nur Nurul, N. M., & Yusuf, H. O. 2022. Kelebihan wakaf tunai berbanding wakaf tradisional: Satu analisa di Malaysia. *International Journal of Contemporary Issues*: 81-89.
- Asharaf, & Jalil. 2014. Model perbankan wakaf korporat: Analisis wakaf Selangor muamalat. *Jurnal Pengurusan*: 159 - 167.
- Asharaf, M. R., & Abdullah, J. 2017. Wakaf Korporat: Konsep dan Perkembangan di Malaysia dan dunia islam. Kertas Kerja seminar filantropi dan derma-bakti Islam: Pendekatan Korporat dalam konsep wakaf. Kuala Lumpur: Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan kerjasama Bursa Malaysia Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Yayasan Wakaf Malaysia. Dewan Besar IKIM, Kuala Lumpur.
- Asharaf, M. R., Abdullah Jalil, N. H., Khairuneezam, M. N., & Siti Suriani, O. 2022. Pengurusan dana wakaf tunai bagi pembangunan ekonomi umat Islam: Pengalaman Yayasan Wakaf Malaysia (YWM). *International Journal of Islamic Economics and Finance Research* 5(1).
- Ashikin, R. & Faudah, J. 2020. Al-Hajiyat Dalam Perlaksanaan Instrumen Altawriq Untuk Pembangunan Aset Wakaf. *3rd UUM International Islamic Business Management Conference 2020 (IBMC 2020)* (pp. 43-48). Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ashlah, I., & Adnin, I. 2018. Pelaksanaan istibdal dan pembangunan tanah wakaf di Perak. *Asian People Journal* 1(2): 287-297.
- Asmak, A. R. 2009. Peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi umat Islam dan aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*: 113-152.

- Azima, A. M. 2007. Keupayaan pendekatan institusi dalam menghurai punca-punca tanah pertanian terbiar di daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. *Jurnal e-Bangi*: 1-25.
- Azima, A. M., Novel, L., Sivapalan, S., Yusof, M., Hussain, Zaimah, R., Mohd Fuad, M. J. 2015. Faktor penghalang pembangunan tanah rizab Melayu. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space* 11(8): 100-109.
- Azniza Hartini, A. A., Aslam, M., & Hanira, H. 2015. The possible role of waqf in ensuring a sustainable Malaysian federal government debt. *Procedia Economics and Finance* 31: 333-345.
- B. Nur Adila, Z., & Md Yazid, A. 2016. Kekangan dan penyelesaian kelewatan pengurusan aset pusaka tak alih. *ISLAMIYYAT*: 53-63.
- Baharuddin, S., Asmak, A., & S. Salahudin, S. 2006. *Pengenalan Pengurusan Wakaf di Malaysia*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti Teknologi MARA.
- Baihaki, A., & Bahari, Z. 2019. Mauquf alayh di Malaysia: Isu dan cabaran. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* 4(26): 56-65.
- Berita Harian*. 2022. Nilai import makanan negara naik lebih tinggi tahun ini.
- Berita Harian*. 2022. Wakaf pertanian tangani kos sara hidup, jamin sekuriti makanan.
- Che Zuina, I. 2010. *Al Mutawalli dalam Pengurusan Harta Wakaf dan Amalan di Malaysia Menurut Perundangan Islam*. Johor, Malaysia: Universiti Teknologi MARA Johor.
- Çizakça, M. 2000. *A History of Philanthropic Foundations: The Islamic World from the Seventh Century to the*. Istanbul: Bogazici University Press.
- Faizatu, A. H. 2018. Pemberdayaan wakaf produktif: Upaya strategis untuk kesejahteraan ekonomi masyarakat. *Jurnal Middle East and Islamic Studies* 6(1): 1-22
- Fahrurroji, F., & Jaenal, A. 2015. Pengembangan harta wakaf di Singapura. *Equilibrium: Jurnal Ekonomi Syariah* 3(1): 104-125.
- Farhana, M. S. 2018. Wakaf ahli: Peruntukan undang-undang dan pelaksanaannya di Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law* 8(1): 73-81.
- Farhana, M. S. 2021. Sumbangan wakaf dalam membantu pembangunan wanita di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*: 100-108.
- Farhana, M. S., & Asmak, A. R. 2021. Peranan wakaf dalam pembangunan sosioekonomi: Analisis ke atas Projek Bazar. *Islamiyyat The International Journal of Islamic Studies*: 115-127.
- Hasmida, M. O. 2007. *Pembangunan Tanah Bermilik Terbiar (Kajian Kes: Bandaraya Alor Star)*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hisham, Y. 2013. Waqf history and legislation in Malaysia: A contemporary perspective. *Journal of Islamic and Human Advanced Research* 3(6).
- Jabatan Pertanian. 2019. *Maklumat Tanah Terbiar*. Jabatan Pertanian. Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.
- JAWHAR. 2022. *Informasi Berkaitan dengan Wakaf*. Jawhar: <https://www.jawhar.gov.my/wp-content/uploads/2022/01/Informasi-Berkaitan-dengan-Wakaf.pdf>
- Kementerian Tenaga dan Sumber Asli. 2022. *Apakah yang dimaksudkan harta alih*. Portal Rasmi Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan. <https://www.jkptg.gov.my/my/soalan-lazim-3/49-faq/pusaka-kecil/definisi/1136-apakah-yang-dimaksudkan-harta-alih>
- Kurniawati, K., & Ismail Omar. 2019. Negara perlukan reformasi tanah terbiar. *Bernamea*. Kuala Lumpur: Bernama.
- Madhubala, S. 2017. *Konsep Wakaf Di Bawah Undang-undang Islam*.
- Majlis Agama Islam Melaka. 2022. *Laman Web Rasmi Majlis Agama Islam Melaka*. Pengurusan Wakaf Negeri Melaka: <https://www.maim.gov.my/index.php/my/wakaf-dan-sumber-am>
- Majlis Agama Islam Negeri Johor. 2022. *Saham Wakaf Johor*. Maij: <https://www.maij.gov.my/wakaf/saham-wakaf-johor>
- Marina. 2021. *Tadbir Urus Korporat Dalam Melestarikan Dana Wakaf di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Marina. 2021. *Tadbir Urus Korporat Dalam Melestarikan Dana Wakaf di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mashaddad, H., Sofia Hayati, Y., & Mohamad Zaharuddin, Z. 2019. Istibdal harta wakaf: Kajian ringkas terhadap peranan. *Journal of Fatwa Management and Research*: 160-171.
- Megat Mohd. Ghazali, A. R., Asiah, O., Hussin, S., Nasrul, H., Muhtar, A., & Akmaliza, A. 2006. *Pembangunan Tanah Wakaf- Isu, Prospek Dan Strategi*. Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository.
- Mohamad Akmal, D. 2019. *Pemakaian Seksyen 6 116 (A) Kanun Tanah Negara 1965 bagi Isu Tanah Bermilik Terbiar*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Zaim, I., Muhammad Ikhlas, R., & Mohd Anuar, R. 2015. Pemerkasaan wakaf di Malaysia: Satu sorotan. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society* 9: 1-13.
- Mohd Ali, M. D. 2019. Teori wakaf, kepelbagaian dan contoh amalan di Malaysia. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*: 24-39.
- Mohd Faisal, M., Ahmad Mujaheed, M. K., Mohd Ridzuan, K., Anisah, B., & Yusuf, H. O. 2022. Pengurusan Wakaf di Malaysia: Peluang & cabaran dalam melestarikan pembangunan masyarakat. *International Journal of contemporary Issues* 2(1): 111-122.

- Mohd Faiz, M. Y., Norhanani, R., Azri, B., Mohammad Muhyuddin, K., & Mohd Ashrof, Z. Y. 2021. Potensi pendekatan pembiayaan wakaf penternakan berskala. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 22(3): 100-114.
- Mohd Firdaus, B. H., & Mohd Rizal, M. 2021. Analisis amalan pelaporan dan pendedahan maklumat wakaf di Malaysia. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*.
- Mohd Hafiz, A. W., Wan Azmi, W. A., Muhammad Muzakkir, O., & Norhasimah, S. 2014. Implementasi kontrak musaqah untuk pembangunan tanah wakaf terbiar dalam menjana ekonomi sektor pertanian di Malaysia. Seminar Waqf Iqlimi 2014. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Ridzuan, M. 2021. Pelaksanaan wakaf am dan wakaf khas di Terengganu dan implikasinya terhadap mawqūf 'alāih. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities*: 56-64.
- Mohd Sabree, N., & Mohd Sopiee, S. 2015. Pengurusan dan Pembangunan Tanah Terbiar: Tinjauan Khusus pada awal pemerintahan Islam dan Undang-undang di Malaysia. *Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah* (pp. 1-14). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhamad Firdaus, A. R., & Muhammad Amanullah. 2017. The Nature of Temporary Waqf, Its Ruling and Public Interest. *Global Journal al-Thaqafah*, 7(2), 175-1187.
- Muhammad Ainul Hakim, M. K., Muhamad Firdaus, A. R., Hussein Azeemi, A. T., & Azman, A. R. 2021. Pengaplikasian Wakaf Ahli Bertempoh (Muaqqat) Sebagai Mekanisme Memakmurkan Amalan Wakaf di Malaysia. *E-Prosiding eminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021* (pp. 53-71). Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhammad Ainul Hakim, M. K., Muhammad Firdaus, A. R., Hussein Azeemi, A. T., & Azman, A. R. 2020. Memperkukuhkan institusi wakaf di Malaysia melalui wakaf bertempoh. *The 3rd International Conference of the Postgraduate Students and Academic in Syariah and Law 2020 (INPAC 2020)* (pp. 183-199). Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhammad Dandy, A. W., & Syed Musa, S. J. 2018. Proposed waqf framework for food security and price stabilization policy of rice in Indonesia. *Journal of Islamic Finance* 7(2): 70-85.
- Muhammad Hakimi, M. S., Muhammmad Rizki, M., & Riayati, A. 2015. The potential of waqf in activating idle agricultural land. *Jurnal Pengurusan*: 141-147.
- Mustofa, & Manshur, I. 2018. Al-Khuluw (kompensasi pelepasan hak) antara teori, praktik, dan solusi ekonomi kontemporer. *Jurnal Pengembangan Pemikiran dan Kebudayaan* 12(2): 347-372.
- Muhammad Uzair, M. A., & Ainul, S. S. 2022. Affordable housing using waqf land and sukuk ijarah. *International Journal of Islamic Economics, Business and Entrepreneurship* 2(1): 49-60
- Mutiara, D. S., Ab. Aziz, Y., & Ahmad Shaifful, A. A. 2016. Pembangunan wakaf pendidikan di Universiti College Bestari, Terengganu. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities* 1(4): 1-17.
- Norhidayah, M. Y., Berahim, N., Muhamad Norfiqiri, A. H., Hisamuddin, M. A., Ainur Zaireen, Z., Muhammad Najib, M. R., Fatin Afiqah, M. A. 2022. Kaedah pelaksanaan cukai tanah terbiar bagi merencanakan pembangunan tanah terbiar. *Jurnal Dunia Pengurusan*: 72-84.
- Pazim Fadzim, O. 1992. *Abandonment in the Rice Sector in West Malaysia: A Case Study of the Muda and Kemubu Irrigation Schemes*. Madison: University of Wisconsin.
- Qahf, M. 2000. *Al-Waqf Al-Islami: Ta'awwuruhu, Idaratuhu, Tanmiyyatuhu*. Damascus: Dar Al-Fikr.
- Ridzuan, M., & Zurita, M. Y. 2021. Pelaksanaan istibdal bagi tanah-tanah wakaf di Malaysia: Kajian perbandingan antara hukum syarak dengan perundangan sivil. *UUM Journal of Leggal Studies* 12(2): 307-331.
- Rusnadewi, A. R., & Noor Inayah, Y. 2010. Masalah kegagalan dan kelewatan pengagihan harta pusaka di Malaysia. *Jurnal Intelek* 5(1): 1-18.
- Sayuti, A. G., Redwan, Y., & Burhanuddin, J. 2018. Konsep wakaf dalam Islam: Satu analisis mengikut ulama empat mazhab. *Zulfaqar International Journal of Defence Management Social Science & Humanities* 1(1): 30-37.
- Shakor. 2011. Pelaksanaan pembangunan wakaf korporat Johor Corporation Berhad (JCorp): Satu tinjauan. *International Conference on Humanities*.
- Sharifah. 2016. Kerangka Undang-Undang Pengurusan Wakaf di Malaysia: Ke Arah Keseragaman Undang-Undang. <https://mycite.mohe.gov.my/en/files/article/103484>
- Siti Aishah, I., & Nur Alyani, F. G. 2022. Analisis Fleksibiliti Mekanisme Wakaf Berasaskan Aset Harta Alih Menurut Undang-Undang Wakaf Islam dan Amalannya di Malaysia. Academia:
- Siti Mashitoh, M., Asmak, A. R., Azizi, C. S., Sarif, S., & Nor Aini, A. 2009. *Konsep dan Aplikasi Produk Wakaf Kontemporari di Malaysia: Saham Wakaf dan Wakaf Saham*. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya: Kertas Kerja Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan.
- Siti Mashitoh, M. 2006a. *Undang-undang dan Pentadbiran Harta Amanah Orang Islam di Malaysia: Harta Amanah Orang Islam Di Malaysia*.
- Siti Syarwani, G., & Izzah Nur, A. Z. 2021. Kepelbagaian bentuk wakaf hak maknawi ke arah. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)*: 27-36.

- Sulong, J., & Mohd Marbawi, T. 2016. Implication of multiple land ownership in Malaysia. *International Journal of Social Science and Humanity* 6(5): 408-411.
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. 2015a. *Guidelines on Unlisted Capital Market Products Under the Lodge and Launch Framework*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. 2015b. *Guidelines on Issuance of Private Debt Securities and Sukuk to Retail Investors*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
- Syahnaz, S. 2016. *Transformasi Pembangunan Harta Wakaf Menerusi Mekanisme Dana Amanah Hartanah Islam*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Wan Suraya, W. H., Wan Shahzinda, S. S., & Umami Munirah, S. M. 2016. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Harta Pusaka Beku Di Malaysia. *Conference: 3rd International Conference on Management and Muamalah (ICoMM 2016)*, (pp. 311-315).
- Wan Zahari, W. Y., Nur Amirah, M., & Abdul Jalil, O. 2021. Model universiti wakaf di Malaysia: University College Bestari, Terengganu. *Research in Management of Technology and Business* 2(1): 1371-1382.
- Vivi, R., & Bustamin. 2021. Pemanfaatan tanah wakaf sebagai lahan produktif dalam tinjauan fiqh muamalah. *Jurnal Hukum Ekonomi Syariah* 5(1): 139-156
- Yayasan Wakaf Malaysia. 2014. *Wakaf Tunai Menjana Pemilikan Aset Umat Islam*.
- Yayasan Wakaf Malaysia. 2022. *Wakaf di Malaysia*. Yayasan Wakaf Malaysia.
- Mohamad 'As' Syaqqim Mohamad Idris
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
Email: p116361@siswa.ukm.edu.m
- Azima Abdul Manaf (corresponding author)
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
Email: azima@ukm.edu.my
- Ahmad Dahlan Salleh
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
Email: dahlan@ukm.edu.my
- Abdul Jalil Omar
Universiti Tun Hussin Onn
Johor Baharu
Malaysia
Email: jalil@uthm.edu.my
- Zaimah Ramli
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
Email: zaimahr@ukm.edu.my
- Suraiya Ishak
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
Email: suraiya@ukm.edu.my